

## **PENERIMA MANFAAT AGIHAN ZAKAT ATAS TALIAN DAN PUNCA KEMISKINAN BERTERUSAN DALAM KALANGAN ASNAF**

*The Beneficiary of Online Zakat Distribution and The Cause of Continuous  
Poverty Among Asnaf*

**Rozila Ahmad<sup>1\*</sup>**

**Hapini Awang<sup>2</sup>**

**Mohamad Faqih Naufal Ismail<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

<sup>2</sup>Institute of Advanced and Smart Opportunities, School of Computing, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

<sup>3</sup>Pejabat Zakat Daerah Langkawi

\*Corresponding Author (Email: rozila@uum.edu.my)

Received: 26 February 2024, Reviewed: 11 March 2024, Published: 31 March 2024

---

**Abstrak:** Semasa pandemik COVID-19, keperluan untuk menggunakan teknologi maklumat (TM) sangat mendesak sehingga ke tahap mewajibkan permohonan bantuan zakat secara atas talian. Ini bercanggah dengan kajian lepas yang telah menemui tahap literasi teknologi maklumat yang rendah dalam kalangan golongan berpendapatan rendah, warga emas dan mereka yang berada di luar bandar. Objektif kajian ini adalah untuk merungkai keberkesanan agihan zakat atas talian. Kaedah kualitatif dengan temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data daripada 37 penduduk di Langkawi. Data ditranskripsi menggunakan Analisis Kandungan Tematik. Dapatan kajian mendapati agihan zakat atas talian hanya memberi manfaat kepada mereka yang celik TM. Kajian kualitatif yang bersifat induktif ini turut menemui punca kemiskinan berterusan dalam kalangan Asnaf. Di antara punca kemiskinan berterusan adalah masalah sosial seperti ketagihan dadah dan perzinaan yang menyebabkan kelahiran anak luar nikah. Cadangan untuk memastikan keberkesanan agihan zakat atas talian diberikan. Kajian ini penting kerana ia konsisten dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan, iaitu “tiada kemiskinan dan sifar kelaparan”.

**Kata kunci:** Zakat, Teknologi Maklumat, COVID-19, Asnaf

**Abstract:** During COVID-19 pandemic, the need to use technology accelerates. Thus, the application for zakat aid must be made online. Past studies have shown evidence of low information technology (IT) literacy among the low income, the elderly and those in rural areas. The objective of this study is to discover the effectiveness of online zakat distribution. Qualitative method with semi-structured interview was used to obtain data from 37 residents in Langkawi. Data was transcribed using Thematic Content Analysis. The findings revealed that online zakat distribution only benefits those who are IT literate. This qualitative study, which is inductive in nature, also discovers the cause of continuous poverty among asnaf. Among the causes of continuous poverty is social problems such as drug addiction and adultery which leads to childbirth out of wedlock. Suggestions to ensure the effectiveness of

*online zakat distribution are given. This study is significant as it is consistent with the Sustainable Development Goals agenda, which is “no poverty and zero hunger”.*

**Keywords:** *Zakat, Information Technology, COVID-19, Asnaf*

---

## **PENGENALAN**

Pendigitalan institusi zakat di Malaysia bermula sejak pengkorporatan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 1991. Pendigitalan ini diikuti oleh institusi zakat yang lain. Faedah dari pendigitalan institusi zakat menjadi ketara sewaktu pandemik COVID-19 apabila pertemuan secara fizikal terpaksa dihadkan oleh kerajaan demi kesejahteraan masyarakat. Sewaktu pandemik COVID-19, kesihatan dan pendapatan rakyat telah terjejas.

Malaysia memberikan bantuan kewangan kepada rakyatnya yang miskin supaya mereka mampu meneruskan kehidupan mereka terutamanya semasa krisis ekonomi. Bantuan kewangan diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan institusi zakat. Orang Islam yang merdeka, mempunyai pemilikan harta yang sempurna, tempoh harta yang dimiliki sudah mencukupi satu tahun, dan hartanya berkembang, wajib mengeluarkan zakat (Haron & Rahman, 2016). Namun begitu, pembayar zakat mempunyai pilihan samada membayar zakat melalui institusi formal zakat seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah atau menyerahkan sendiri bayaran zakat kepada asnaf yang dikenali.

Asnaf adalah mereka yang layak menerima zakat. Asnaf boleh dibahagikan kepada lapan golongan iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, arriqab, al-gharimin, fisabilillah, dan ibnu sabil (Haron & Rahman, 2016). Fakir adalah mereka yang sangat miskin dan menjadi tanggungan orang lain. Miskin adalah mereka yang berpendapatan rendah, dan tidak cukup untuk menampung keperluan tanggungan mereka. Amil adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat. Muallaf adalah mereka yang baru memeluk Islam. Arriqab adalah mereka yang dicengkam dan terbelenggu. Al-gharimin adalah golongan yang berhutang untuk keperluan asas. Fisabilillah adalah mereka yang mempertahankan agama Islam. Ibnu sabil adalah orang yang dalam perjalanan untuk tujuan yang dibenarkan oleh syarak.

Sewaktu pandemik COVID-19, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyalurkan bantuan Zakat Khas COVID-19 dengan memberikan RM300 sekali sahaja untuk setiap keluarga asnaf arriqab (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2021). Mereka adalah golongan yang dibelenggu oleh wabak ini kerana putus pendapatan atau pendapatan telah berkurang sehingga tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan. Pada masa yang sama, bantuan bulanan kepada golongan asnaf fakir dan miskin diteruskan seperti biasa. Bagi asnaf arriqab ini, hanya mereka yang pendapatan isi keluarga tidak melebihi RM2000 boleh memohon. Permohonan mestilah dibuat oleh ketua keluarga, dan secara atas talian. Syarat permohonan atas talian dikenakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2021). Ketika Zakat Khas COVID-19 dikenalkan, masih ramai rakyat Malaysia yang belum divaksin dan kadar jangkitan adalah tinggi.

Untuk seluruh negeri Kedah, peruntukan yang diberikan adalah untuk 40,000 pemohon. Tetapi, sehingga tarikh tutup, permohonan yang diterima oleh Pejabat Zakat Daerah Langkawi hanyalah 1659 permohonan, dan hanya 680 yang layak. Ini menghairankan kerana ramai penduduk Langkawi yang terkesan oleh pandemik ini. Untuk sektor perhotelan sahaja jumlah yang terkesan melebihi 1000 pekerja (Karim et al., 2020). Sejauhmanakah

keberkesanan pengagihan zakat atas talian dalam membantu asnaf yang benar-benar memerlukan? Tambahan pula, terdapat penduduk di Pulau Langkawi yang mempunyai akses kepada internet yang terhad seperti di Pulau Tuba (Darus et al., 2021). Dari perspektif lain, zakat telah berjaya diagihkan secara atas talian kepada pelajar Universiti Utara Malaysia menggunakan aplikasi e-wallet (Mohd-Noor et al., 2020). Pelajar dikategorikan sebagai asnaf FiSabilillah dengan keutamaan diberikan kepada yang fakir dan miskin (Rahman & Makhtar, 2011).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang terdiri daripada penduduk Langkawi. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan semasa pemilihan asnaf dengan bantuan pengurus hotel mesra-Muslim, dan pegawai dari Pejabat Zakat Langkawi yang menyediakan senarai pemohon dan penerima zakat. Persampelan bertujuan ialah kaedah di mana penyelidik memilih ahli populasi untuk mengambil bahagian dalam kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik. Persampelan bertujuan sesuai untuk kajian ini kerana ia bertujuan untuk menemui maklumat baharu dan mendalam.

Protokol temu bual dengan soalan separa berstruktur digunakan untuk membimbing proses temu bual yang mengambil masa purata 20 minit setiap temu bual. Responden telah ditemu bual secara individu untuk membolehkan mereka memberikan maklumat terperinci. Selepas menemu bual 37 responden, tiada maklumat baru diperolehi. Responden yang tercicir ditanya sama ada mereka mengetahui tentang agihan zakat atas talian termasuk Zakat Khas COVID-19, mengapa mereka tidak memohon bantuan zakat, dan pendapat mereka tentang pengagihan zakat atas talian. Penerima Zakat Khas COVID-19 ditanya bagaimana mereka mengetahui tentang Zakat Khas COVID-19, pendapat mereka tentang agihan zakat atas talian, dan bagaimana agihan zakat atas talian boleh dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan agihan zakat dalam kalangan asnaf. Kesemua responden ditanya sama ada agihan zakat atas talian perlu diteruskan.

Temu bual direkodkan dan ditranskripsi untuk memudahkan analisis data. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan tematik (*thematic content analysis*). Ia memberikan fleksibiliti dan menyediakan data yang banyak, terperinci dan kompleks. Analisis tematik boleh menjana maklumat yang tidak dijangka dan ia berguna untuk menghasilkan analisis kualitatif yang baik untuk menjelaskan keadaan. Analisis kandungan tematik juga melibatkan pencarian merentas data untuk mencari pola makna yang berulang. Analisis kandungan tematik bermula dengan transkripsi data audio. Kemudian, semua idea dari pemahaman awal dalam transkrip dicatat. Seterusnya, transkrip dikodkan, dan semua kod yang saling berkaitan dalam transkrip dikumpulkan di bawah tema yang sama. Akhirnya, tema ditafsirkan, dan laporan yang menjawab persoalan kajian dihasilkan. Sebelum pengesahan tafsiran, penyelidik bersama berfungsi sebagai pembaca kedua transkrip temu bual, pengekodan dan tema untuk mengesahkan ketepatan dan konsistensi tafsiran.

## **DAPATAN KAJIAN**

Data telah dikumpul daripada 37 orang responden yang mana seorang daripada mereka merupakan wakil dari Pejabat Zakat Daerah Langkawi. Baki 36 orang responden boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan.

1. Responden dari senarai fakir dan miskin

2. Responden dari senarai arriqab
3. Responden dalam kalangan pekerja hotel mesra Muslim

Profil responden ditunjukkan di dalam Jadual 1. Setiap responden diberikan kod nama. R1 merujuk kepada responden pertama yang ditemuduga dan K1 merujuk kepada responden dari kumpulan pertama.

**Jadual 1. Profil responden**

| Kod Nama | Pekerjaan                          | Pendapatan Isi Keluarga | Jenis Bantuan Zakat Diterima | Zakat Atas Talian         |                             |
|----------|------------------------------------|-------------------------|------------------------------|---------------------------|-----------------------------|
|          |                                    |                         |                              | Pengalaman                | Pendapat                    |
| R1K1     | Guru Ganti (Sementara)             | <RM2000                 | Bulanan (Bapa)               | Tidak pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R2K3     | Bellman Hotel                      | RM1500                  | Tiada                        | Pernah tapi tidak Berjaya | Sukar mendapat bantuan      |
| R3K3     | Atendan Bilik Hotel                | RM2800                  | Rasa Tidak Layak             | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R4K3     | Atendan Bilik Hotel                | RM1500                  | Tiada                        | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R5K3     | Atendan Bilik Hotel                | RM1200                  | Tiada                        | Pernah tapi tidak Berjaya | Sukar mendapat bantuan      |
| R6K3     | Atendan Linen Hotel                | RM1500                  | Tiada                        | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R7K1     | Isteri penerima zakat (Warga Emas) | Tiada / Stroke          | Bulanan                      | Tidak Pernah              | Lebih mudah ke pejabat      |
| R8K1     | Ibu penerima zakat                 | Tiada/ Depresi          | Bulanan RM400                | Tidak Pernah              | Lebih mudah ke pejabat      |
| R9K1     | Warga Emas (R8K1 urus)             | Tiada                   | Bulanan                      | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R10K1    | Warga Emas                         | Tiada                   | Bulanan                      | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R11K3    | Juruteknik Hotel                   | RM1300                  | Rasa Tidak Layak             | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R12K2    | Warga Emas                         | Tidak menentu <RM1000   | Bulanan & RM300 Covid        | Pernah/dibantu            | Wajar diteruskan            |
| R13K2    | Tukang Kayu                        | Tidak menentu <RM1000   | RM300 Covid                  | Pernah/dibantu            | Memudahkan                  |
| R14K1    | Tukang Cuci                        | RM1200                  | RM1000 bulanan (amil bantu)  | Tidak Pernah              | Kurang pengetahuan          |
| R15K1    | Warga Emas                         | Tiada                   | RM200 bulanan                | Tidak Pernah              | Sukar tapi wajar diteruskan |
| R16K1    | Nelayan                            | RM1200                  | RM200 Bulanan (amil bantu)   | Tidak Pernah              | Sukar tapi wajar diteruskan |
| R17K1    | Warga Emas                         | Tiada                   | RM200 Bulanan (amil bantu)   | Tidak Pernah              | Sukar bagi orang tua        |
| R18K1    | Warga Emas                         | Tiada                   | RM200 Bulanan (amil bantu)   | Tidak Pernah              | Sukar bagi orang tua        |
| R19K1    | Ibu tunggal                        | RM470                   | RM200 Bulanan                | Tidak Pernah              | Sukar bagi orang tua        |

|       |                        |                      |                  |                    |                       |
|-------|------------------------|----------------------|------------------|--------------------|-----------------------|
| R20K1 | Warga Emas             | Tiada                | RM200<br>Bulanan | Tidak Pernah       | Kurang<br>pengetahuan |
| R21K1 | Pembantu<br>Kedai      | RM400 + 350<br>(JKM) | RM300<br>Bulanan | Tidak Pernah       | Wajar diteruskan      |
| R22K2 | Berniaga               | RM500                | RM300 Covid      | Pernah/dibantu     | Wajar diteruskan      |
| R23K2 | Bawa bot               | RM1500               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R24K2 | Warga Emas             | RM250                | RM300 Covid      | Pernah/dibantu     | Wajar diteruskan      |
| R25K2 | Warga Emas             | RM400                | RM300 Covid      | Pernah/dibantu     | Wajar diteruskan      |
| R26K2 | Guru Kafa              | RM1000               | RM300 Covid      | Pernah/dibantu     | Wajar diteruskan      |
| R27K2 | Guru Kafa              | RM1002               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R28K2 | Warga Emas<br>Berniaga | RM300                | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R29K2 | Hotel                  | RM5000               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R30K2 | Hotel                  | RM3300               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R31K2 | Penganggur             | Tiada                | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R32K2 | Hotel                  | RM1500               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R33K2 | Hotel                  | RM1500               | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R34K2 | Berniaga               | RM600                | RM300 Covid      | Pernah             | Wajar diteruskan      |
| R35K2 | Bersara                | Tiada                | RM300 Covid      | Pernah/dibantu     | Wajar diteruskan      |
| R36K2 | Bersara                | Tiada                | RM300 Covid      | Pernah<br>/dibantu | Wajar diteruskan      |

Analisis data menemui beberapa tema seperti yang diuraikan dibawah.

### **Agihan zakat atas talian menguntungkan asnaf yang celik teknologi maklumat**

Berdasarkan data primer, permohonan zakat atas talian hanya berkesan untuk mereka yang celik TM. Semua responden daripada kumpulan kedua berpuas hati dan mengakui keberkesanan agihan zakat atas talian. Mereka bersetuju dengan R36K2 yang mengatakan, "*Zakat atas talian memudahkan. Maklumat boleh diperolehi dari laman web zakat.*"

### **Agihan zakat atas talian wajar diteruskan**

Hampir kesemua responden, termasuk mereka yang tidak celik TM berpendapat agihan zakat atas talian perlu diteruskan. Menurut R15K1 dan R16K1, pengagihan zakat atas talian wajar diteruskan kerana masyarakat semakin celik TM namun bagi golongan tua, kakitangan masjid atau Ahli Jawatankuasa penduduk perlu main peranan. R30K2 berkata, "*Ia bagus kerana sekarang anak-anak mahir dengan internet.*" Pengalaman R22K2 menjadi bukti akan kemahiran generasi muda menggunakan internet bagi membolehkan pengagihan zakat atas talian. Beliau berkata "*Si abang (anak) tolong isi, dia baru 16. Cikgu dia bagi link. Kak (Saya) tak tahu langsung guna internet. Whatsapp pon baru dok belajar. Tapi mata tak berapa nampak dah la ni. Payah la.*" Namun begitu, terdapat juga Asnaf yang tidak mempunyai anak, Asnaf yang wargatua tetapi anak-anak berjauhan, dan Asnaf yang tidak mahir TM tetapi anaknya masih terlalu kecil untuk membantu seperti R2K3, R5K3 dan R6K3.

### **Amil kekal relevan**

Tiada responden dari kumpulan 2 mempunyai pengetahuan mengenai zakat atas talian dan memohon zakat secara atas talian. Kesemua mereka menerima zakat melalui amil masjid. Kebanyakan penerima zakat daripada kategori ini adalah warga emas yang menghidap penyakit kronik seperti strok. Berikut adalah apa yang dikatakan oleh R1K1, R19K1 dan R29K2.

“...Saya tidak pernah membuat permohonan zakat secara atas talian. Ya, saya mendapat bantuan dari pejabat zakat. Di kampung ini kami sentiasa mendapatkan bantuan daripada Penghulu (Ketua Kampung). Kami tidak tahu tentang agihan zakat secara atas talian. Amil yang mengagihkan zakat. Jika ada borang yang perlu diisi, ia akan dibuat melalui amil. Untuk kampung ini, selalunya kami melalui amil...”

(R1K1)

“...Kak tak pandai (TM). Dulu arwah suami dapat zakat. Dia dah meninggal. Dia (amil) kata kak pun tak dak pendapatan. Dia sambung la. Tukar nama. Selalunya yang dapat kebajikan masyarakat, zakat tak dapat. Macam kita ni kelompok kecil. Masjid boleh pantau...”

(R19K1)

“...Tidak elok mengagihkan zakat secara atas talian kerana orang yang memerlukan zakat kebiasaannya adalah warga emas. Takkan nak guna semua gajet ni kan? Jadi, ia tidak bagus. Untuk mereka, lebih baik mengisi borang secara manual. Boleh gunakan media sosial untuk orang muda, tetapi untuk orang tua, akan ada masalah. Agihkan zakat kepada mereka melalui masjid...”

(R29K2)

### **Masalah internet di kepulauan yang mundur**

R27K2 menghadapi kesukaran dengan prestasi internet. Beliau berkata, “Apabila zakat diagihkan secara atas talian, agak sukar bagi kami kerana kami berada di sebuah pulau (Pulau Tuba). Kadangkala internet lambat. Sukar untuk kami mengisi borang dan memuat naik dokumen yang diperlukan.”

### **Keciciran berpunca dari kurang pengetahuan, kemahiran TM, dan keazaman**

Apabila zakat diagihkan secara atas talian, terdapat golongan asnaf yang tercicir kerana kurang kemahiran menggunakan TM. Temu bual dalam kalangan responden kumpulan ketiga mendapati tiga pekerja hotel yang terjejas menghadapi kesukaran untuk memohon zakat secara atas talian. Semakan dengan pejabat zakat mendapati permohonan mereka tidak sampai ke pejabat zakat. R2K3 tidak berpuas hati dengan agihan zakat atas talian kerana kesukaran yang dihadapinya ketika memohon zakat secara atas talian. R2K3 berkata “Saya ada mohon pakai telefon tapi senyap ja.” Semakan dengan pejabat zakat mendapati permohonan beliau tidak di terima untuk diproses. R2K3 turut menyebut tentang Asnaf lain yang tercicir dalam agihan zakat atas talian. Dia berkata, “Mereka adalah kawan saya yang bekerja sebagai nelayan. Kami tidak tahu bagaimana untuk memohon atas talian.” Rakan sekerjanya, R5K3 dan R6K3 menghadapi masalah yang sama.

“...Saya cuba mohon zakat secara atas talian. Saya pergi ke pautan. Ada banyak soalan. Saya tidak tahu jawapan. Dia minta alamat masjid. Ada juga tentang gaji. Saya tidak tahu apa yang dia nak. Saya tidak faham. Selepas itu, saya tidak cuba lagi. Biarlah. Kami tak reti...”

(R5K3)

Pemohon perlu memuat naik slip gaji untuk membuktikan pendapatan bulanan mereka tidak melebihi RM2000, yang merupakan salah satu syarat untuk memohon Zakat Khas COVID-19. Permohonan R2K3 dan R5K3 tidak lengkap kerana mereka tidak mendapat

bantuan untuk memuat naik penyata pendapatan mereka. R6K3 pula mengalah sebelum mencuba.

Kakitangan Pejabat Zakat Daerah Langkawi sedia membantu asnaf yang menghadapi kesukaran untuk membuat permohonan zakat secara atas talian. R37 berkata "*Aplikasi atas talian ini memudahkan orang ramai membuat permohonan dengan bantuan anak-anak dan saudara terdekat mereka. Jika mereka tidak dapat mengisi atas talian, mereka boleh menghubungi, dan kami akan membantu.*" Kenyataan ini selaras dengan apa yg dikatakan oleh R35K2 dan R36K2.

*"...Memudahkan. Tak payah pi pejabat zakat. Sangat berguna untuk yang celik TM. Yang tak tahu guna kena belajar atau dapatkan bantuan. Saya cuba buat sendiri. Lepas tu, bila saya rasa susah, saya minta anak saya bantu. Dia tolong muat naik..."*

(R35K2)

### **Warga emas enggan memohon atas talian**

Warga emas enggan belajar dan memohon zakat secara atas talian. R7K1, tidak mempunyai anak. Dia seorang warga emas yang menjaga suaminya yang terlantar akibat strok, dan ibunya yang sudah sangat tua. Menurut R7K1, "*Kalau saya nak mohon zakat atas talian, saya kena cari orang nak tolong. Saya pergi Pejabat Zakat lah. Dekat.*" Baginya, menunggang motosikal ke pejabat zakat yang jaraknya 15 km dari rumahnya lebih mudah berbanding dengan membuat permohonan zakat secara atas talian. Ini selaras dengan kenyataan R30K2.

*"...Setengah orang tidak tahu cara memohon atas talian. Ibu bapa tidak tahu menggunakan WhatsApp (TM). Saya malas nak belajar benda tu. Kita, (orang tua-tua) kadang-kadang kita belajar, lepas tu kita lupa. Saya rasa macam terlalu banyak benda nak kena tengok. Internet ni (TM) rumit..."*

(R30K2)

### **Turun padang untuk meningkatkan keberkesanan agihan zakat**

Lawatan ke kediaman asnaf dapat mengenalpasti mereka yang tidak jujur, asnaf yang lebih layak menerima bantuan dan membantu mereka yang tidak berdaya. R30K2 membangkitkan isu kejujuran pemohon. Dia berkata, "*Dengan permohonan atas talian, kadang-kadang orang nak tipu pun boleh.*" Menurut R30K2, wakil pejabat zakat perlu turun padang bagi menyemak dan melihat secara dekat keadaan pemohon walaupun zakat diagihkan secara atas talian untuk mengenal pasti pemohon yang tidak jujur, dan yang layak menerima bantuan zakat tetapi tidak berdaya memohon.

### **Punca kemiskinan berterusan**

Selain dari masalah sikap, pelbagai masalah sosial ditemui dikalangan asnaf. Masalah sikap dikongsi oleh R14K1, ibu R8K1, R5K3 dan R6K3.

*"...Lima orang anak, umur 21, 18, 15, 14, 12. Umur 21 kakak, tak kerja. Hari tu dia kerja sat kat kedai makan, lepas tu tak tau ada masalah apa, berhenti. Saya sorang ja kerja. Umur 18 baru habis SPM tak buat apa lagi. Lelaki. Dia kata nak pi interview kerja. Tak tau lah nak pi mana. Tanya, dia tak jawab. Tak mau nak tanya banyak kali satgi jadi pasai. Yang besaq tu yg masalah. Kita suruh pi kerja*

*dia bagi macam-macam alasan. Saya pun tak larat nak cakap dah. Tak tau nak buat macam mana dah...*

(R14K1)

Masalah dadah dikongsi oleh R8K1, R9K1, R5K3, R24K1.

*“...Makcik ibu Shera. Anak shera dua orang. Anak dia makcik jaga. Shera kemurungan. Masa dia okay, dia jaga, masa dia tak okay, makcik lah yang jaga dengan makcik Robiah ni. Anak Shera tak nak sekolah. Shera tak dak kerja. Dia murung. Dia cepat marah. Dia tertekan. Pakaian dia pun pelik. Lepas dia bercerai tu pakaian seksi. Dia tak rasa malu. Tak macam dia sebelum ni. Sebelum ni dia pakai tudung, baju kurung, baju labuh lah kan. Sekarang ni dia pakai baju pendek, nampak perut, seluar ketat. Cakap sorang-sorang. Dia tak nak pergi hospital. Kalau kita cakap nak pergi hospital, dia mula meraung. Bekas suami dia hisap dadah. Tu yg makcik bawa lari datang Langkawi. Kalau tak suami dia cari, kacau. Shera baru ni, dia bagi anak dia dekat orang. Makcik pi ambil. Dia kalau dia tak tengok anak dia, lagi teruk dia jadi...”*

(R8K1)

R9K1 pernah menetap di rumah kebajikan di Taiping. R8K1 membawanya ke Langkawi. Sama seperti R14K1, rumah mereka tidak terurus. R9K1 tidur di atas toto yang kotor. Keadaannya mungkin lebih baik di rumah kebajikan.

*“...Kesemua anak (dua perempuan dan dua lelaki) menagih dadah. Lijah, 28, mengandug 2,3 tahun sekali tapi tak tahu anak siapa. Mungkin dapat dadah dari Kg. Huma Air Hangat. Cucu pun sekarang 3 orang duduk dirumah kebajikan. Rumah kebajikan ambil sebab ibubapa hisap dadah. Dia tak kahwin pun (anak luar nikah)...”*

(R9K1)

## **PERBINCANGAN**

Keberkesanan agihan zakat atas talian bergantung kepada kategori asnaf. Agihan zakat atas talian berkesan untuk membantu asnaf arriqab kerana mereka mereka celik TM. Tetapi, kesusahan yang mereka alami akibat CovidCOVID-19 bersifat sementara. Mereka berpuas hati dengan agihan zakat atas talian kerana permohonan zakat atas talian mereka berjaya. Sebilangan kecil berjaya memohon zakat secara atas talian dengan bantuan ahli keluarga. Namun begitu, keadaan kehidupan mereka tidak sedhaif asnaf fakir dan miskin yang menerima zakat secara bulanan. Oleh itu, pengagihan zakat secara atas talian wajar diteruskan, namun perlu disertakan dengan cara agihan konvensional. Kepentingan mengguna pelbagai cara dalam mengagihkan zakat telah diketengahkan oleh Haziq-Mohamad dan Wahid (2017).

Agihan zakat atas talian perlu disertakan dengan kaedah agihan zakat sedia ada di mana amil membantu dalam agihan zakat kerana ada golongan asnaf yang tidak mampu menggunakan teknologi. Ini selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan TM berdasarkan umur dan faktor demografi lain seperti tahap pendapatan, lokasi (luar bandar atau bandar), dan bangsa (Charness & Boot, 2022; Nikou et al., 2020). Oleh itu, peranan amil kekal penting, dan kajian ini menemui bukti ketekunan amil dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Penemuan masalah sosial yang menjadi punca kemiskinan menunjukkan kemiskinan perlu dibanteras hingga ke akar umbi. Pemantauan berterusan adalah perlu bagi memastikan



kebajikan anak dibawah jagaan asnaf tidak terabai. Pemantauan ini perlu disertai dengan dakwah di mana penerima zakat diingatkan akan kewajipan mereka sebagai orang Islam, larangan mengambil hak orang lain dan barang terlarang, serta peka akan halal dan haram. Pentingnya agihan disertai dengan dakwah adalah selaras dengan cadangan Bunasir dan Wahid (2017) dan ramai penyelidik lain seperti Abdullah et al. (2021), Fauzi et al. (2023), Ismail et al. (2021), Noor et al. (2023), Zakaria et al. (2020) dan Zolkifeli et al. (2022).

Penerima zakat wajar diberi motivasi untuk menjadi pemberi zakat dan bukan terus menerima zakat. Terdapat penerima zakat COVID-19 yang ditemuduga oleh penyelidik menyatakan hasrat untuk memohon lagi agihan zakat. Asnaf yang menerima bantuan bulanan sebanyak RM1000 menyatakan amaun tersebut tidak mencukupi dan ingin memohon tambahan sedangkan beliau mempunyai anak dewasa yang enggan bekerja. Dapatan ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Fauzi et al. (2023) mengenai sikap malas bekerja apabila mendapat bantuan kewangan dan keperluan harian.

Adalah sukar untuk menarik minat golongan yang mempunyai masalah sikap untuk menyertai program motivasi serta ceramah kerohanian. Kajian Ngadiman et al. (2019) menemui penglibatan yang rendah dalam aktiviti kerohanian dalam kalangan B40 Muslim yang berhutang. Oleh itu, adalah wajar sekiranya motivasi serta dakwah diberikan secara tidak langsung oleh amil, kakitangan institusi zakat dan penyelidik yang bersemuka dengan asnaf.

Isu penagihan dadah di kalangan orang Islam berbangsa Melayu banyak dikaji dan dibincangkan kerana peratusannya yang sangat tinggi berbanding dengan bangsa lain di Malaysia (Noor et al., 2023). Ini memberi imej negatif terhadap agama Islam sedangkan agama Islam meliputi kesemua aspek, dan penyalahgunaan dadah adalah haram di dalam Islam (Hamid et al., 2013). Menurut Ghazalli et al. (2022), adalah perlu untuk memperkasakan keluarga dan komuniti untuk menggalakkan penyertaan aktif mereka sepanjang proses pemulihan dari penagihan dadah. Zakaria et al. (2020) mencadangkan pemberian insentif kewangan kepada keluarga penagih untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam program pencegahan dadah. Ternyata, penagihan dadah membebankan keluarga, masyarakat dan kerajaan. Oleh itu adalah penting untuk mencegah dari peringkat awal agar tidak menjadi penagih apatah lagi pembuat dan pengedar dadah.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan kajian, disimpulkan bahawa agihan zakat atas talian adalah berkesan kepada mereka yang celik teknologi dan wajar diteruskan. Namun begitu tidak semua jenis zakat wajar disalurkan secara atas talian. Oleh itu, perkhidmatan amil dalam pengagihan zakat perlu dikekalkan kerana mereka memainkan peranan penting terutama dalam kalangan warga emas yang enggan membuat permohonan zakat secara atas talian. Di samping itu, pegawai zakat dan ahli keluarga yang lebih celik TM perlu sentiasa membantu dalam permohonan zakat atas talian. Paling penting, golongan asnaf perlu mempunyai kesungguhan di dalam melakukan kebaikan. Pegawai zakat perlu turun padang bagi mengenal pasti mereka yang layak menerima zakat dan menyingkirkan mereka yang telah menyalahgunakan keistimewaan agihan zakat atas talian.

Kajian ini menyumbang kepada teori dengan mengkaji keberkesanan agihan zakat atas talian (termasuk Zakat Khas COVID-19) di kalangan asnaf di Langkawi. Ini merupakan kajian pertama berkaitan Zakat Khas COVID-19. Disamping itu ia turut menemui punca keciciran asnaf dalam menerima zakat dan punca kemiskinan berterusan. Kajian ini menyumbang kepada institusi zakat dengan memberikan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan

agihan zakat. Namun begitu, bilangan responden yang kecil dan tertumpu di Langkawi serta sifat kualitatif kajian ini tidak membolehkan generalisasi dapatan kajian. Kajian di masa hadapan boleh menggunakan saiz sampel yang lebih besar dan meliputi kawasan yang lebih luas menggunakan kaedah kuantitatif bagi membolehkan generalisasi dapatan kajian.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran IPIZ-LZKN Agensi Luar (Dalam Negara) Awam, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Kod SO 21321.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. T., Embong, R., Omar, N., Yaakob, R., Lateh, H. M., Sulaiman, R., Tan, I.H., Sulaiman, R. Low, Y.S., & Chik, Z. (2021). The Factors affecting the Tendency of Drug Addiction among Malays in Malaysia. *Revista Geintec-Gestao Inovacao E Tecnologias*, 11(4), 2146-2155.
- Bunasir, M.A. & Wahid, H. (2017). Pembangunan Harta Aqar Zakat: Kajian Terhadap Model Pembangunan Harta Aqar Majlis Agama Islam Negeri Johor. Dalam, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab & Muhammad Tajuddin Abdul Rahim (Eds.), *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat* (pp. 23–38). EKONIS-UKM.
- Charness, N., & Boot, W. R. (2022). A grand challenge for psychology: Reducing the age-related digital divide. *Current directions in psychological science*, 31(2), 187-193.
- Darus, M.Y., Mohd-Ariffin, M.A., Jalil, M.H., & Mohd-Yusof, M.A. (2021). A Case Study on Digital Divide and Access to Information Communication Technologies (ICTs) In Pulau Tuba, Langkawi, Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(5), 1710-1718.
- Fauzi, E. M. F. E., Yaakob, R., Abdullah, R. T., Fauzi, T. A. E., & Nordin, M. N. C. (2023). Sorotan literatur faktor agama, sosio budaya, sosio ekonomi dan persekitaran yang mempengaruhi kecenderungan penagihan dadah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(1), 93-101.
- Ghazalli, F. S. M., Omar, N., Yaakob, R., Ridhuan, M., Abdullah, T., & Ramly, A. F. (2022). CRAFT Model Approach in Curbing Drug Addiction among Youth. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12), 1529 – 1536.
- Hamid, M. A. A., Yusuff, R. M., Othman, M. F., & Balwi, M. K. (2013). Perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 60(1), 11-19.
- Haron, M. S., & Rahman, R. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Al-Syari'ah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*. 10, 129-140.
- Haziq-Mohamad, A.H., & Wahid, H. (2017). Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak. Dalam, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab & Muhammad Tajuddin Abdul Rahim (Eds.), *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat* (pp. 287–304). EKONIS-UKM.
- Ismail, S. H. S., Hamjah, S. H., Khambali, K. B. M., Ismail, A., & Daud, M. Z. B. M. (2021). Isu kekeluargaan dan sosiobudaya masa kini: Punca dan penyelesaiannya bagi

- input pelan pembangunan dakwah di Malaysia. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 1-20.
- Karim, W., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). The movement control order (MCO) for COVID-19 crisis and its impact on tourism and hospitality sector in Malaysia. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1-7.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2021). Dicapai pada 18 Mei 2021 dari <https://agihan.zakatkedah.com.my/>
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2021). *Sistem Permohonan Agihan Zakat*. Diambil pada (15 Februari 2021) dari <https://agihan.zakatkedah.com.my/>
- Mohd-Noor, M.M., Abdul-Rahim, A.K., & Md.-Hussain, M.N. (2020). Bantuan Zakat Kepada Asnaf Pelajar Menerusi Aplikasi E-Wallet (Kiplepay): Analisis Di Universiti Utara Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, 1(1), 102-115.
- Ngadiman, D. W. T., Edawaty, S., & Wahid, H. (2019). Tanggapan sokongan organisasi dan penglibatan aktiviti kerohanian B40 Muslim yang berhutang. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 682(1), 67-77.
- Nikou, S., Agahari, W., Keijzer-Broers, W., & de Reuver, M. (2020). Digital healthcare technology adoption by elderly people: A capability approach model. *Telematics and Informatics*, 53, 101315.
- Noor, A. Z. M., Abdullah, R. T., Chik, Z., & Embong, R. (2023). The validity and constructive reliability of the drug addiction in the Malay and Chinese Communities. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 1713–1727.
- Rahman, A. A., & Makhtar, A. W. (2011). Kelayakan dan kedudukan pelajar sebagai penerima zakat menurut perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. 5(1), 131-146. Dicapai pada 18 Julai 2023 dari <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2022/07/Jurnal-No-1-2011.pdf>
- Zakaria, E., Ibrahim, F., & Hassan, N. (2020). Hubungan antara penerimaan, kesediaan, logistik dan insentif dengan penglibatan Program Pendidikan Pencegahan Dadah dalam kalangan keluarga B40. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 184-194.
- Zolkifeli, Z., Lyndon, N., & Awang, A. (2022). Pengaruh modal sosial terhadap kualiti hidup bagi golongan berpendapatan rendah. *e-BANGI*, 19(7), 332-342.